

11 MAY 1999

MAHATHIR HADIR MAJLIS TAHLIL SAMBUT ULANG TAHUN UMNO KE-53

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini menghadiri majlis tahlil sempena sambutan ulang tahun Umno ke-53 di ibu pejabat parti di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga naib presiden yang menjalankan tugas-tugas timbalan presiden Umno, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga naib presiden dan para anggota Majlis Tertinggi Umno.

Sebelum itu, para hadirin menunaikan solat Maghrib secara berjemaah.

Upacara memperingati ulang tahun UMNO itu bermula pagi tadi dengan Dr Mahathir yang juga Presiden Umno memeriksa perbarisan oleh 50 anggota brigid Pemuda dan 50 anggota brigid Wanita Umno serta menaikkan bendera UMNO di medan PWTC.

Sementara itu di Pulau Pinang, lebih 1,000 anggota UMNO negeri menghadiri majlis tahlil dan doa selamat sempena sambutan ulang tahun parti itu di Rumah Tetamu di sini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Yahya Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Shariff Omar, anggota EXCO Kerajaan Negeri dari UMNO dan ketua dan pemimpin bahagian.

Mereka yang hadir pada majlis anjuran Badan Perhubungan UMNO negeri itu kemudiannya menunaikan sembahyang maghrib secara berjemaah sebelum menikmati makan malam.

-- BERNAMA

AA LAT